

Headline	CB Land serah ganjaran kepada pembeli		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	160,000
Page No	L3	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,996
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,987



CB Land serah ganjaran kepada pembeli

CB Land Sdn Bhd (CB Land), anak syarikat Crest Builder Holdings Berhad memberikan pelbagai hadiah kepada pembeli rumah menerusi Kempen Cabutan Bertuah 'Two-Riffic Bonanza' termasuk hadiah utama Honda Jazz di Pusat Jualan The Greens @ Subang West (The Greens), baru-baru ini.

Kempen itu merupakan

penghargaan Crest Builder kepada pembeli rumah The Greens yang terus memberi sokongan dalam pembangunan syarikat.

Pengarah Urusannya, Eric Yong berkata, kumpulan itu menerima sambutan menggalakkan daripada pembeli setia bagi projek pembangunan The Greens.

"Kempen ini adalah salah satu penghargaan kami kepada pembeli yang terus menyokong projek pembangunan kami," katanya.

The Greens adalah pembangunan kediaman bebas pegangan yang merangkumi 646 unit kondominium di tanah seluas tujuh ekar dengan nilai pembangunan kasar RM400 juta.

Kondominium itu akan mempunyai lapan jenis antaranya tiga bilik tidur, unit teres dan penthouse dari 915 kaki sehingga 1,830 kaki persegi dengan harga bermula RM576,800.

Pembangunan itu juga menerima Anugerah Pembangunan Kediaman Terbaik oleh Anugerah Pemaju Berprestij Property Insight (Pipda) 2017 pada Mei lalu.

CB Land telah membuka jualan bagi Blok B The Greens pada Januari 2017 dan sehingga kini mencapai kadar pembelian sebanyak 80 peratus.

Pembinaan telah mencapai 45 peratus dan dijadual siap pada suku ketiga 2018.



Yong (kiri) menyampaikan hadiah kereta Honda Jazz kepada pemenang utama.